

24 MAY 2000

Forum-Afrika/I

PENGURANGAN HUTANG AFRIKA BOLEH BANTU TANGANI KEMISKINAN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Usaha untuk mengurangkan kemiskinan di Afrika tidak akan berhasil kecuali langkah baru diambil untuk membatalkan hutang yang ditanggung oleh benua tersebut, kata Menteri Perancangan dan Pembangunan Togo Simfeicheou Pre.

Beliau berkata masyarakat antarabangsa dan pihak yang memberikan pinjaman harus mengkaji semula syarat dan tempoh pembayaran balik hutang bagi menurangkan beban negara-negara Afrika.

Pengurangan hutang dapat membantu agar sumber yang ada dapat digunakan untuk membiayai usaha membanteras kemiskinan, katanya pada sesi Forum Asia Ketiga-Afrika di Serdang dekat sini.

Beliau berkata terlampau banyak hutang dan masalah, seperti peperangan, kemiskinan, penyakit dan buta huruf telah menghadkan keupayaan negara-negara Afrika untuk menangani masalah pembangunan, walaupun mempunyai sumber semula jadi.

"Malangnya di Afrika, pelbagai konflik etnik dan kadangkala konflik antara negara-negara telah menimbulkan ketegangan terhadap masyarakat, keamanan dan kestabilan, dan usaha yang dijalankan untuk memperbaiki tahap kehidupan," katanya.

Pre berkata pembangunan di Afrika mungkin dapat dilaksanakan jika langkah baru diambil dengan kerjasama negara-negara terbabit, institusi antarabangsa dan pihak yang memberikan pinjaman.

"Ini memerlukan usaha daripada mereka yang terbabit untuk mewujudkan perkongsian, kerjasama dan menghapuskan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak yang memberikan pinjaman, dan juga komitmen untuk melaksanakan pembangunan di Afrika," katanya.

Sementara itu, ketua Bank Dunia bagi pembangunan sektor swasta di rantau Afrika, Demba Ba berkata pengurangan kemiskinan memerlukan lebih daripada tumpuan bagi melaksanakan program kemasyarakatan.

Beliau berkata ia memerlukan tumpuan terhadap dasar dan pelaburan bagi meningkatkan sektor produktif untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan persaingan perniagaan.

"Meningkatkan laluan negara-negara Afrika kepada pasaran dunia adalah unsur penting bagi strategi pengurangan kemiskinan," katanya.

Seminar tiga hari itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Sesi hari ini tertumpu kepada perbincangan berkaitan pertanian dan pembangunan sektor swasta.

Esok, forum itu dijangka akan mengguna pakai "Kenyataan Alaf Baru Kuala Lumpur bagi Kerjasama Asia-Afrika."

Di antara penganjur bersama ialah kerajaan Malaysia, Jepun, Gabungan Global bagi Afrika dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

-- BERNAMA

MAM RI